

06 MAY 1997

Anwar-Djibouti

MALAYSIA AKAN HANTAR WAKIL KE PERSIDANGAN DJIBOUTI

KUALA LUMPUR, 6 Mei (Bernama) -- Malaysia akan menimbangkan untuk menghantar wakil ke persidangan meja bulat Djibouti yang dijadualkan pada 29 dan 30 Mei untuk membincangkan pembinaan semula ekonomi republik itu.

"Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim memberi jaminan kepada Menteri Luar Djibouti Mohamed Moussa Chehem bahawa Malaysia mungkin menghantar seorang wakil ke mesyuarat itu," kata Setiausaha Bahagian Asia Tenggara dan Pasifik Kementerian Luar Mohamad Arshad Hussain hari ini.

Beliau memberikan taklimat kepada pemberita mengenai hasil pertemuan 30 minit Anwar dengan Mohamed Moussa di Jabatan Perdana Menteri di sini hari ini.

Mohamed Moussa turut menyerahkan surat daripada Presiden Djibouti Hassan Gouled Aptidon kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menjemput Malaysia menghantar perwakilan ke persidangan itu.

Tempat persidangan itu bagaimanapun masih belum ditetapkan.

Mohamed Moussa dan Anwar turut membincangkan perkara mengenai hubungan dua hala, peluang perdagangan dan kerjasama antara kedua-dua negara, kata Mohamad Arshad.

Katanya Mohamed Moussa memberitahu bahawa Djibouti juga sedang melobi bagi negara-negara Asean lain untuk menghadiri persidangan meja bulat itu.

Mohamed Moussa turut meminta Anwar membantu Djibouti mendapatkan pinjaman bagi pembangunan ekonominya daripada Bank Pembangunan Islam (IDB). Anwar merupakan seorang daripada anggota lembaga IDB.

Menurut Mohamad Arshad, Menteri Luar Djibouti itu mempelawa para pemimpin dan ahli perniagaan Malaysia mengunjungi Djibouti dan meninjau peluang perdagangan serta pelaburan di sana.

Mohamed Moussa mengakhiri lawatan empat harinya ke Malaysia hari ini. Ini merupakan lawatan pertama seorang menteri kerajaan Djibouti sejak hubungan dua hala diwujudkan antara kedua-dua negara pada 1994.

Djibouti, yang mempunyai jumlah penduduk hanya 580,000, terletak di timur laut Afrika. Ia berkongsi sempadan dengan Somalia, Ethiopia dan Eritrea. -- BERNAMA

HS RON